

MAHATHIR

1976

KOTA BHARU, 13 FEB. (BERNAMA)—PEMANGKU PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN PUSAT TETAP MEMENUHI JANJINYA SEBERAPA YANG TERDAYA UNTUK MEMBAWA PEMBANGUNAN DI NEGERI KELANTAN WALAUPUN PEMERINTAHAN SECARA DHARURAT TELAH DITERIK BALIK KELMARIN.

"WALAUPUN PEMERINTAHAN SECARA DHARURAT DI KELANTAN MEMPUYAI USIA YANG PENDEK, IA TELAH BERJAYA MELETAKKAN ASAS PENTADBIRAN BAGI PEMBANGUNAN DAN SETIAP RANCANGAN YANG TELAH DIATUR ATAU DIRANCANGKAN OLEH PEMERINTAHAN ITU TETAP AKAN DITERUSKAN," TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN DEMIKIAN DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI PENGKALAN CHEPA DEKAT SINI HARI INI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR SELEPAS MENGADAKAN LAWATAN SEHARI KE SINI.

DI DALAM LAWATAN ITU BELIAU TELAH MENGUMUMKAN BAHAWA YANG DIPERTUAN AGUNG TELAH BERKENAN MENARIK BALIK PEMERINTAHAN DHARURAT DI KELANTAN SELEPAS DINASIHATKAN OLEH KERAJAAN PUSAT MULAI KELMARIN.

TURUT PULANG KE KUALA LUMPUR BERSAMA BELIAU IALAH MENTERI KEWANGAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH DAN SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL, ENCIK ABDUL GHAFAR BABA. — BERSAMBUNG HM 1403

EE

B555

MAHATHIR 2 KOTA BHARU

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, SAPERTI YANG DIJANJIKAN SEGALA BENTUK BANTUAN AKAN DISALURKAN KEPADA KERJAAN DEMOKRASI YANG MEMERINTAH DELANTAN BAGI MEMASTIKAN ASAS YANG TELAH DILETAK OLEH PENTADBIRAN DHARURAT DI BAWAH PIMPINAN ENCIK HASHIM AMAN DAPAT DILAKSANAKAN OLEH PEMERINTAH YANG BARU ITU.

"MALAH, JIKA ADA RANCANGAN-RANCANGAN PENTING YANG MEMERLUKAN PERUNTUKAN YANG LEBIH, MAKA KITA SEDIA MENIMBANGKAN BAGI MENAMBAHKAN BANTUAN," TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN BAHAWA SELAIN DARI ENCIK HASHIM AMAN, PEGAWAI-PEGAWAI PUSAT YANG DIBAWA KHAS BAGI MEMBANTU PENTADBIRAN DHARURAT DAHULU MUNGKIN DIKEKALKAN DI KELANTAN ATAS DASAR DIPINJAM BAGI MEMBANTU MELICINKAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI.

"BAGAIMANAPUN, SAMADA MEREKA AKAN DIKEKALKAN ATAU TIDAK DI SINI TERSERAH KEPADA KEHENDAK-KEHENDAK KERAJAAN NEGERI SENDIRI DAN JIKA MEREKA MEMINTA SUPAYA DIKEKALKAN MAKA KERAJAAN PUSAT SEDIA MENIMBANGKANNYA," KATANYA.

ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA SELAIN DARI ENCIK HASHIM YANG SEKIM JAWAYANNYA TIDAK TERDAPAT DI KELANTAN SEKURANG-KURANGNYA DUA ATAU TIGA ORANG PEMBANTU BELIAU TERMASUK PENOLONGNYA ENCIK AHMAD BADRI BASIR MUNGKIN AKAN DIMINTA SUPAYA TERUS BERKHIDMAT DI KELANTAN BUAT DEBERAPA KETIKA. — BERSAMBUNG HM 1407

MAHATHIR 3 KOTA BHARU

DATUK DR MAHATHIR MENYERU RAKYAT KELANTAN SUPAYA DAPAT MENGEKALKAN KETENANGAN DAN KEAMANAN SAPERTI YANG TERDAPAT SEMASA PEMERINTAHAN SECARA DHARURAT DAHULU BAGI MENJAMIN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN DAPAT BERJALAN DENGAN LANCAR.

MENYENTUH TENTANG KEDUDUKAN PARTI BERJASA, PEMANGKU PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA BARISAN NASIONAL SEDIA MENIMBANG PERMOHONANNYA UNTUK MENYERTAI BARISAN ITU.

BAGAIMANAPUN, IANYA BERGANTUNG KEPADA BANYAK FAKTOR SEPERTI KEPUTUSAN KESELURUHAN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL SAMAADA MAHU MENERIMA BERJASA ATAU TIDAK.

UMNO MEMANG TIDAK KEBERATAN KERANA KITA JARANG SEKALI MENIKAM ORANG YANG TOLONG KITA DARI BELAKANG. CUMA YANG HARUS DIINGATKAN IALAH BAHAWA BARISAN NASIONAL BUKAN HANYA DIANGGOTAI OLEH UMNO, " TEGASNYA.

MENYENTUH TENTANG MASA DEPANNYA SENDIRI, DATUK SERI DR. MAATHIR BERKATA SELAGI RAKYAT MAHUKAN BELIAU MAKA BELIAU SEDIA BERHIDMAT, TETAPI JIKA RAKYAT SUDAH TIDAK MAHU BELIAU JUGA SANGGUP MENERIMA KEPUTUSANNYA KERANA BELIAU TIDAK BERCADANG UNTUK JADI MACAM SETANGAH ORANG YANG MAHU" PERKHIDMATAN TETAP."

BELIAU JUGA MEMBERITAHU PERHUBUNGAN UMNO KELANTAN TELAH DIBERI PENERANGAN OLEH BELIAU MALAM TADI TENTANG PERSEDIAN PILIHANRAYA, SIKAP UMNO TERHADAP KAWAN DAN LAWAN, PERANAN KERAJAAN BARU DAN KEMUNGKINAN-KEMUNGKINAN YANG TIMBUL SEJAK DHARURAT DITAMATKAN.

—BERNAMA HM 1414